

Research Article

Naratif Taka Taki

Mayhana Musa¹, Zainudin Zainal Abidin^{2,*}

¹ SK Bandar Tenggara 1

² SK Bandar Tenggara 1; dinhujan69edu@gmail.com  0009-0004-5127-4420

* dinhujan69edu@gmail.com;07-8961189

Abstrak: Inovasi Naratif Taka Taki merupakan satu penghasilan Big Book dalam membantu murid prasekolah untunk mempelajari kemahiran membaca, mengira, bahasa dan moral. Dalam inovasi ini terdapat banyak unsur yang diterapkan dalam mempelajari kemahiran asas dibantu dengan didik hibur serta penggunaan warna yang akan menarik minat murid. Selain itu, penggunaan gambar sangat membantu menjadikan Taka Taki ini lebih menarik. Secara ringkasnya, inovasi ini merupakan sebuah penceritaan tentang jari kanan dan kiri. Ia melibatkan peranan setiap jari yang digabungkan dengan unsur penceritaan dan moral, serta grafik yang pelbagai. Bukan itu sahaja, inovasi ini juga boleh digunakan untuk membantu golongan kurang upaya (cacat penglihatan) untuk mengira nombor sehingga 10. 6 orang murid sasaran menggunakan injovasi ini. Perubahan positif dapat dilihat dengan jelas berdasarkan pemerhatian tingkah laku yang menunjukkan minat bertambah terhadap pembacaan dan temu bual yang dilakukan untuk melihat kepada respon murid yang berubah kepada lebih baik dan positif.

Kata kunci: Prasekolah, jari, perubahan positif



Copyright: © 2023 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Sebagai guru prasekolah, cabaran yang sangat besar untuk menghadapi murid yang mempunyai kecerdasan yang pelbagai. Kami merupakan antara “guru” yang pertama dalam hidup mereka, dan pandangan terhadap “sekolah” itu adalah bermula daripada bagaimana kami menunjukkan ekosistem itu kepada mereka. Kami yang akan mengenal pasti dahulu apakah kecenderungan setiap murid. Namun, dalam masa yang sama kami perlu mengajar mengikut rancangan pengajaran yang telah ditetapkan. Oleh itu, sesuatu yang berkepelbagaian tarikan perlu dicipta agar dapat digunakan oleh kami untuk mengajar bahasa, penceritaan, dan nilai moral kepada kumpulan sasaran ini. Maka, inovasi Naratif Taka Taki dicipta untuk menghadapi cabaran ini.

2. KAEDAH DAN BAHAN

Inovasi Naratif Taka Taki merupakan satu penghasilan Big Book dalam membantu murid prasekolah untunk mempelajari kemahiran membaca, mengira, bahasa dan moral.



Cara digunakan:



1



2



3



4

1. muka hadapan big Book Naratif Taka Taki.
2. Pengenalan tangan kanan dan kiri.
3. Pengiraan yang menggabung jalin Matematik dan Bahasa Melayu.
4. Pengiraan matematik nombor 1 hingga sepuluh menggunakan butang untuk penggunaan orang kelainan upaya cacat penglihatan.



5



6



7



8

5. Pengenalan tangan kiri dan setiap jari.
6. Setiap jari boleh dilipat untuk melihat jawapan betul atau tidak.
7. Penggunaan tangan kanan dan kiri untuk mengenal pasti mengenal huruf b dan d.
8. Penggunaan tangan kanan dan kiri untuk mengenal pasti huruf p dan q.



9



10



11



12

9 dan 10: Naratif (penceritaan) fiksi berkenaan perkelahiran antara jari. Namun akhirnya diselesaikan dengan unsur moral.

11: Penerapan unsur nasihat daripada nyanyian pantun-pantun dua kerat berkenaan jari dan unsur moral dan menggunakan QR Code. Terdapat pembelajaran Moral, Muzik dan Bahasa Melayu dan elemen teknologi dalam satu muka surat sahaja.

Pengenalan sebenar nama-nama watak jari.



13



14



15

13. Penerapan unsur bersyukur.

14. Menunjukkan kata-kata semangat dengan penggunaan jari, serta menunjukkan bagaimana huruf boleh dibentuk menggunakan jari bagi orang kelainan upaya (bisu).

15. Penghargaan kepada Cikgu Mayhana, ahli kumpulan kami yang merupakan penyumbang idea asal.

3. DAPATAN

3.1 Hasil Temu Bual

Respon murid sebelum penggunaan "Naratif Taka Taki"

Murid menyatakan rasa susah dan bosan belajar.

Contoh: "Cikgu nak mainlah. Tak nak la cerita. Saya nak main."

Respon murid dengan menggunakan “Naratif Taka Taki”

Murid menyatakan keseronokan dan berminat.

Contoh: “Cikgu, jom la sambung lagi cerita, cikgu. Saya nak dengar lagi”.

3.2 Data Pemerhatian

Jadual 1: Perbezaan Sebelum dan Selepas

Pemerhatian Sebelum Penggunaan Naratif Taka Taki	Pemerhatian Selepas Penggunaan Naratif Taka Taki
Murid tidak berminat untuk mendengar cerita dan beraktiviti.	Kesemua murid sasaran mendengar cerita dan aktif mengikut penceritaan guru.
Tidak mempunyai semangat untuk belajar.	Murid teruja dan tak sabar untuk mendengar lagi penceritaan dari guru.

4. PERBINCANGAN

Daripada dapatan yang diperoleh, Naratif Taka Taki sememangnya sebuah “Big Book” yang sangat memberikan kesan mendalam kepada kanak-kanak. Data temu bual kepada minat murid untuk belajar sangat menunjukkan perkembangan yang positif. Dari aspek pemerhatian juga menunjukkan respon positif terhadap kaedah ini. Hal ini menunjukkan bahawa objekif tercapai.

5. PENUTUP

Dalam memahami dan ingin memberikan yang terbaik kepada kanak-kanak dalam pembelajaran, kita seharusnya memahami dengan baik tahap penguasaan mereka. Dalam konteks ini, Naratif Taka Taki merupakan sebuah ciptaan yang sememangnya mengambil kira corak kehidupan serta ruang lingkup kumpulan sasaran. Adalah amat penting bagi seseorang yang mengajar kanak-kanak prasekolah untuk memiliki Big Book Naratif Taka Taki ini sebagai satu permulaan yang baik terhadap pandangan kanak-kanak terhadap fungsi sekolah pada awalnya.

Rujukan

- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). Tatabahasa dewan (Edisi ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Hajar Abdul Aziz, (2009). Siri Pendidikan Guru: Bahasa Melayu II. Selangor Darul Ehsan: Laser Press Sdn. Bhd.
- Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, abd. Aziz Abd. Shukor, Ram;lah Jantan, Roslinda Mustapha, Hazalifah Hamzah (2009). Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar. Malaysia: Penerbit Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Yahya Don (2005). Kepimpinan Pendidikan di Malaysia. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd, Wangsa Melawati: Kuala Lumpur: Malaysia.